

Najib Berlepas Ke Myanmar Untuk Lawatan Dua Hari
Bernama
28 Mac, 2012

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berlepas ke Myanmar Rabu untuk lawatan rasmi dua hari.

Pesawat khas yang membawa Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada pukul 1.20 petang.

Lawatan itu bertujuan memperkukuhkan lagi hubungan dua hala antara dua negara, dan ini merupakan lawatan pertama Najib ke Myanmar sejak menjadi perdana menteri pada April 2009.

Najib dijangka mempunyai jadual yang padat di ibu negara Myanmar, yang antara lain beliau dijadual menemui Presiden Myanmar U Thein Sein.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655373>